


SOALAN TOPIKAL SEJARAH TAHUN 5
UNIT 1: INSTITUSI RAJA PAYUNG NEGARA

**Soalan
Objektif**

1. Institusi raja telah diwarisi sejak zaman Kerajaan Melayu Awal lagi. Apakah maksud raja?
 - A. Pemerintah bagi sebuah kerajaan baharu
 - B. Individu yang layak menjadi ketua utama negara
 - C. Pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat
 - D. Sekumpulan pemimpin daripada keturunan Iskandar Zulkarnain

2. Apakah maksud kerajaan?
 - A. Sebuah kawasan yang besar
 - B. Negeri atau negara yang ditadbir secara sah
 - C. Sebuah kawasan yang mempunyai penduduk ramai
 - D. Negeri atau negara yang dirampas oleh kuasa luar

3. Rajah di bawah merupakan hierarki sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal pada masa dahulu.



Dimanakah kedudukan raja dalam hierarki tersebut?

- | | |
|-------|--------|
| A. I | C. III |
| B. II | D. IV |

4. Apakah gelaran yang digunakan oleh raja selepas kedatangan agama Islam?
- A. Agung
B. Sultan
C. Maharaja
D. Dewaraja
5. Berapakah negeri di Malaysia yang masih mengamalkan institusi raja?
- A. Tiga
B. Enam
C. Lapan
D. Sembilan
6. Rajah berikut merupakan peta Malaysia.



Negeri yang bertanda X merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang mengamalkan institusi beraja. Apakah gelaran bagi ketua negeri tersebut?

- A. Raja
B. Sultan
C. Yang di-Pertuan Besar
D. Yang di-Pertua Negeri
7. Berikut merupakan negeri-negeri yang diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negeri kecuali
- A. Perlis
B. Wilayah Persekutuan Labuan
C. Wilayah Persekutuan Putrajaya
D. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

8. Apakah gelaran ketua negeri bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja?
- A. Raja
 - B. Sultan
 - C. Yang di-Pertuan Besar
 - D. Yang di-Pertua Negeri
9. Mengapakah institusi raja amat penting kepada kita semua?
- A. Lambang kekuasaan negara kita
 - B. Asas pembentukan negara hari ini
 - C. Menggambarkan keamanan negara kita
 - D. Mewujudkan taat setia dalam kalangan rakyat
10. Apakah asas pembentukan sikap taat setia di antara raja dengan rakyat?
- A. Kewibawaan golongan raja
 - B. Pembentukan kerajaan yang berdaulat
 - C. Kepercayaan rakyat terhadap daulat raja
 - D. Waadat yang termeterai di antara raja dengan rakyat
11. Apakah maksud waadat?
- A. Perbincangan
 - B. Pengorbanan raja
 - C. Perjanjian taat setia
 - D. Pertalian antara raja dengan rakyat

12. Siapakah pihak yang terlibat sewaktu termeterainya waadat antara raja dengan rakyat?
- I) Seri Teri Buana
 - II) Demang Lebar Daun
 - III) Hang Perpatih Putih
 - IV) Puteri Gunung Ledang
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
13. Apakah prinsip Rukun Negara yang menggunakan konsep waadat?
- A. Keluhuran Perlembagaan
B. Kedaulatan Undang-undang
C. Kepercayaan Kepada Tuhan
D. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
14. Apakah ciri-ciri seorang raja atau sultan yang berdaulat?
- I) Keangkuhan
 - II) Kewibawaan
 - III) Sifat peribadi yang unggul
 - IV) Kebijaksanaan tinggi untuk memerintah
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
15. Siapakah yang membantu raja atau sultan untuk mentadbir kerajaan pada Zaman kerajaan Melayu Awal?
- A. Pembesar
B. Penasihat British
C. Kerabat diraja
D. Perdana Menteri

16. Apakah yang akan terjadi kepada rakyat yang menderhaka kepada sultan?

- I) Diberi pengampunan oleh sultan
- II) Dikenakan hukuman yang setimpal
- III) Dikatakan akan terkena tulah daripada sultan
- IV) Tidak akan mendapat perlindungan daripada sultan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Pilih pasangan yang betul berkenaan kuasa dan pemerintahan Sultan/Raja mengikut zaman.

	Institusi Raja pada....	Kuasa dan pemerintahan Sultan/Raja
A.	Zaman Kerajaan Melayu Awal	Tidak mempunyai kuasa mutlak
B.	Zaman Pendudukan Jepun	Tidak mempunyai kuasa mutlak
C.	Zaman Penjajahan British	Tertakluk di bawah Perlembagaan Negeri
D.	Selepas Merdeka hingga kini	Mempunyai kuasa mutlak

18. Berapakah bilangan negara di dunia yang masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja?

- A. 33
- B. 43
- C. 53
- D. 63

19. Bendera di bawah merupakan bendera diraja bagi salah sebuah negara yang masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja.



Raja/ratu kerajaan manakah yang menggunakan bendera tersebut?


- A. Raja Maghribi
B. Ratu Denmark
C. Raja Thailand
D. Ratu United Kingdom
20. Apakah negara di Asia Tenggara yang masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja?
- I) Malaysia
II) Singapura
III) Indonesia
IV) Thailand
- A) I dan II
B) I dan IV
C) II dan III
D) III dan IV



**Soalan
Subjektif**


1. Labelkan hierarki sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal mengikut susunan yang betul.

RAJA BERDAULAT
TONGGAK KERAJAAN




2. Lengkapkan jadual di bawah dengan nama gelaran ketua negeri bagi setiap negeri-negeri tersebut..

NAMA NEGERI	GELARAN KETUA NEGERI
Perlis	a) _____
Kedah	b) _____
Kelantan	c) _____
Terengganu	d) _____
Perak	e) _____
Selangor	f) _____
Pahang	g) _____
Negeri Sembilan	h) _____
Johor	i) _____



3. Labelkan peta di bawah dengan nama-nama negeri yang diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri.



4. Pada pendapat kamu, mengapakah penting untuk kita memberikan taat setia terhadap institusi raja?

a) _____

b) _____

